


Maklumat Inovasi 2011

Tajuk Inovasi	Carta Regimen Survelans Penyakit Haiwan/ Loji Pemakanan Haiwan	
Ketua Kumpulan	 Dr. Fadzilah A'ini Binti Abdul Kadir	
Ahli Kumpulan	 Dr. Yahasmida Binti Yaacob	 Dr. Rahaizanwati Binti Abdul Rahim
Tahun Penciptaan/ Penambahbaikan	2009 sehingga kini	
Latarbelakang	<p>Program survalen ialah satu program tahunan yang dijalankan secara berkala oleh Unit Survalen di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri dan tetap. Tujuan program ini dijalankan ialah untuk memantau status penyakit haiwan di seluruh negara. Ia merangkumi pengambilan sampel darah, tinja dan produk serta lain-lain mengikut spesies haiwan. Oleh itu, satu jadual pengambilan sampel perlu diwujudkan untuk penyelarasan tatacara pengambilan sampel, jenis sampel, penghantaran ke makmal dan mengikut spesies dan tujuan. Sehubungan itu, maklumat disalurkan ke Ibu pejabat JPV dan seterusnya ke World Organisation for Animal Health (OIE) secara tetap sebanyak 2 kali setahun.</p> <p>Carta survelan ialah satu penjadualan pengambilan sampel haiwan secara tahunan oleh pegawai survalen di JPV Negeri. Survalen dijalankan supaya negara disenaraikan sebagai bebas sesuatu penyakit secara sah dan ini membantu import/eksport bahan hasil haiwan ke</p>	

	<p>negara luar.</p> <p>Sebelum inovasi, terdapat ketidakakuran persampelan, makmal menjalankan ujian dengan tidak teratur dengan kepincangan dalam tidak cukup bahan sampel, media/swab tidak cukup, maklumat ujian disampaikan ke pihak berwajib tidak sekata, pertindanan fungsi di mana persampelan di ambil berkali-kali, tiada agihan keutamaan pengambilan sampel, Unit Kesihatan Ternakan Gerompok (UKTG) di lapangan kelam kabut dengan beban kerja yang sama serta laporan kepada OIE tertanggung atau tidak dapat disalurkan.</p>
Ringkasan Inovasi	<p>Carta dalam bentuk kalendar yang boleh dibawa ke mana-mana, material yang tahan lasak, mudah dirujuk, paparan yang menarik, arahan yang jelas, pecahan carta dipaparkan mengikut spesies dan warna merah melambangkan kesiapsiagaan (<i>alert</i>)</p>
Faedah Inovasi	<p>Faedah dari segi penjimatan kos iaitu sampel tidak diambil berulang kali untuk diagnosis penyakit haiwan oleh pelbagai seksyen di JPV, bahan media di makmal tidak dibeli berlebihan pada satu-satu tahun bekerja, peratusan persampelan mengikut yang telah dijadualkan dengan sah dan tenaga kerja dapat disatukan.</p> <p>Faedah dari segi penjimatan masa iaitu persampelan dan penghantaran sampel ke makmal, laporan ke Ibu pejabat JPV dan OIE mengikut jadual.</p> <p>Faedah dari segi peningkatan hasil kerja iaitu pengurusan Makmal Veterinar Kawasan boleh mengatur penerimaan dan menganalisa sampel, lebih efisien dan teratur serta negara lebih bersedia dalam menghadapi wabak penyakit dengan analisa corak penularan wabak.</p> <p>Faedah dari segi peningkatan kepuasan pelanggan iaitu Kakitangan JPV tidak lagi bercelaru dalam menjalankan tugas, memudahkan pengagihan kerja kepada pegawai lapangan, lebih sistematik dan profesional dan seterusnya menjaga nama baik jabatan. Selain itu membantu pelanggan menghantar sampel mengikut jadual dan sampel dapat diproses mengikut jadual dan tidak rosak.</p> <p>Faedah lain ialah ianya boleh digunakan sebagai data asas untuk perancangan masa hadapan, pengauditan kilang pemakanan haiwan/loji pemprosesan hasil haiwan dan bahan bukti menunjukkan tatacara, frekuensi <i>servalen</i> kepada pihak agensi lain.</p>
Status Komersial (jika ada)	
Pencapaian / Anugerah (jika ada)	
Maklumat Lanjut	<p>Nama : Dr. Fadzilah A'ini Binti Abdul Kadir Alamat : Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor No. Tel : 03-55196715 No. HP : 012-9367396 No. Faks : 03-55103903 Email : fadzilah@dvs.gov.my Website :</p>
Gambar Produk Inovasi	

Carta Regimen Survelans Penyakit Haiwan/ Loji Pemakanan Haiwan



Carta Regimen Survelans 2009

Penjelasan inovasi



Carta dalam bentuk kalendar yang boleh dibawa ke mana- mana,



materialnya tahan lasak,



mudah dirujuk,



paparan yang menarik,



arahan yang jelas, pecahan carta dipaparkan mengikut spesies,



warna merah melambangkan kesiapsiagaan (alert).

Penjelasan Inovasi Carta Regimen Survelans 2009